

- Operasi isi penuh sudah tamat: PM

BH 10 NOV 1987
KUALA LUMPUR, Selasa. — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata "Operasi Isi Penuh" yang membatalkan pengambilan pekerja beramai-ramai oleh kerajaan sudah dihentikan.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak bercajand mengis 180,000 kerja kosong dalam perkhidmatan awam. Kekosongan itu tidak menjejaskan prestasi jentra kerajaan, katanya.

Kedudukan kewangan kerajaan ketika ini tidak membolhkannya mengisi kekosongan itu, kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan *Konvensyen Persatuan Ekonomi Malaysia* yang ke-sembilan anjuran Public Bank Bhd di sini hari ini.

Beliau juga menielaskan, kerajaan terpaksa mengurangkan gaji kakitangan baru supaya ia boleh mengambil jumlah pekerja yang lebih ramai.

Katanya, jika paras gaji sckarang dikekalkan, kerajaan mungkin tidak dapat mengambil lebih ramai kakitangan dan ini sudah tentu akan meningkatkan kadar pengangguran.

Bagaimanapun, kajian seluas dan sebanyak mana gaji itu akan dikurangkan masih belum dapat disiapkan.

Gaji

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kemampuan mahasiswa yang mcnganggur untuk menerima gaji \$600 sebulan atau kurang daripada itu dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran.

"Jika mereka masih mahu gaji yang tinggi seperti biasa, saya yakin tidak ada pihak yang mahu mengambil mereka bekerja," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kadar pengangguran tahun ini dijangka naik sehingga 9.1 peratus.

Katanya, pelbagai langkah sudah diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan masalah pengangguran.

Keputusan membenarkan pelabur asing memiliki 100 peratus ekuiti dalam pelaburan juga ada kaitan dengan usaha mengurangkan pengangguran.

Pelabur asing akan di-benar memiliki semua ekuiti dalam pelaburan mereka di negara ini jika mereka dapat menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, katanya.